

PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

NAMA DOKUMEN : ADVISORY NOTE BIL. 5/2021
**FLEKSIBILITI PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN
TINGGI SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**


NOMBOR RUJUKAN : -

EDISI : -

TARIKH KUATKUASA : 17 OGOS 2021

DILULUSKAN

Tandatangan :



Nama:

Puan Rosazura binti Safian
Penolong Pendaftar PPQ

Jawatan:

b.p Pengarah PPQ

Tarikh:

17 Ogos 2021



ADVISORY NOTE NO. 5/2021

FLEKSIBILITI PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PENDAHULUAN

1. Selaras dengan pengumuman Kerajaan tentang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) prihatin akan kelancaran pelaksanaan program oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) serta kebajikan warga pendidik dan pelajar.
2. Bermula Mac 2020, MQA telah menyediakan beberapa panduan kepada PPT untuk meneruskan pelaksanaan program secara pembelajaran dalam talian atau *remote* bagi memastikan program yang dijalankan dapat diteruskan mengikut kalendar akademik PPT masing-masing.
3. Panduan ini perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak lain yang berkaitan terutama bagi program yang melibatkan badan profesional.
4. Senat / Lembaga Akademik PPT adalah bertanggungjawab dan diberikan autonomi untuk memutuskan pelaksanaan program dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berdasarkan peraturan akademik masing-masing. PPT hendaklah memastikan sebarang pindaan dan penyelarasan direkod untuk tujuan penilaian Akreditasi pada masa akan datang.
5. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi / Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

FLEKSIBILITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

6. Semasa tempoh mencabar menangani pandemik COVID-19, PPT telah diberikan fleksibiliti untuk mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian atau *remote*. PPT perlu mengubah suai PdP sedia ada kepada kaedah baharu pengendalian program secara dalam talian atau *remote*. Pengubahsuaian PdP perlu diselaraskan mengikut keperluan bidang program berkaitan.
7. Pengubahsuaian kursus-kursus secara dalam talian atau *remote* perlu diselaraskan dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan.
8. Seperti sedia maklum, kebanyakan pelajar telah berada di lokaliti masing-masing dan pada masa yang sama PdP masih diteruskan seperti mana perancangan pengajian akademik yang ditetapkan. PPT hendaklah memastikan penjadualan akademik melibatkan aktiviti pembelajaran, tugas dan penilaian dirancang dan disusun secara bersesuaian dan tidak membebankan pelajar. Ini termasuk menetapkan waktu senggang, tempoh bertenang atau tempoh ulang kaji wajib antara kursus atau satu-satu aktiviti pembelajaran, tugas atau penilaian serta mengelakkan berlakunya lambakan aktiviti pada satu-satu masa terutamanya sewaktu minggu-minggu akhir semester.
9. *Subject Matter Expert* (SME) atau staf akademik secara kreatif hendaklah mempelbagaikan **aktiviti PdP** dalam talian atau *remote* yang tidak terhad kepada aktiviti pembelajaran aktif (*active learning*) tetapi menggabungkannya dengan pembelajaran pasif (*passive learning*). Ini akan memastikan pembelajaran adalah seimbang dan pelajar dapat mengadaptasi kaedah pembelajaran baharu ini dengan lebih berkesan serta tidak hanya tertumpu kepada skrin peranti elektronik (*electronic device*).
10. *Subject Matter Expert* (SME) atau staf akademik boleh mempelbagaikan **bahan pembelajaran** yang tidak terhad kepada modul kursus tetapi turut melibatkan bahan pembelajaran dalam talian, *youtube*, video dan menyediakan rakaman audio digital / *podcast* yang boleh menjadikan PdP secara *asynchronous* lebih banyak dan menarik. Ini akan turut membantu mengurangkan tekanan akibat tumpuan kepada skrin peranti elektronik yang panjang serta memberi lebih ruang pembelajaran sendiri oleh pelajar.
11. PPT juga boleh mempertimbangkan menawarkan pengajian secara modular bagi kursus-kursus yang bersesuaian serta memecah kecil unit pembelajaran, tugas dan penilaian bagi mengawal beban, kekerapan dan pertindihan aktiviti pada tahap yang wajar dalam satu-satu masa.

12. PPT juga boleh menggalakkan pelajar untuk membuat penundaan untuk kursus-kursus elektif yang tidak kritikal atau menggantikannya dengan kursus-kursus yang lebih sesuai dengan situasi semasa.

PENILAIAN PELAJAR

13. Seperti pemakluman terdahulu, PPT boleh mengubah suai penilaian kursus-kursus merangkumi penilaian berterusan dan penilaian akhir yang diajarkan dengan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. PPT mesti memastikan aspek *validity*, *reliability* dan *fairness* dipelihara semasa penilaian dilaksanakan.
14. Pengubahsuaian penilaian perlu mengambil kira bilangan / kekerapan penilaian selaras situasi semasa pelajar.

PENSTRUKTURAN SEMESTER

15. PPT boleh menstruktur dan menyusun semula kursus-kursus mengikut kesesuaian penawaran semester bagi memastikan pelaksanaan secara dalam talian/*remote* berjalan lancar.
16. Penyusunan kursus yang melibatkan pra-syarat atau turutan kompleksiti kursus mesti dipertimbangkan semasa membuat penstrukturan kursus-kursus tersebut.
17. PPT boleh menyusun kursus-kursus yang melibatkan komponen pembelajaran yang kritikal dilaksanakan bersemuka dan tidak dapat diganti melalui kaedah dalam talian atau *remote* dianjurkan ke semester akan datang atau dikendalikan selaras dengan mana-mana kebenaran khas pihak berkuasa.

KEBAJIKAN PELAJAR

18. Bagi memastikan kebajikan pelajar adalah terpelihara terutama semasa tempoh mencabar ini, PPT digalakkan untuk menyediakan khidmat sokongan seperti kaunselor atau pembimbing yang boleh pelajar hubungi dari semasa ke semasa sekiranya menghadapi sebarang kesulitan terutama yang melibatkan pembelajaran dalam talian atau *remote* atau perkara yang berkaitan dengan program pengajian.

19. PPT perlu merancang aktiviti yang melibatkan pelajar-pelajar bagi menggalakkan interaksi dan perkongsian antara rakan sebaya memandangkan kebanyakan pelajar berada di lokaliti masing-masing.
20. Pelajar hendaklah sentiasa dimaklumkan akan pelaksanaan baharu (secara dalam talian atau *remote*) atau pengendalian kursus / aktiviti program pengajian termasuk pengendalian penilaian berterusan atau penilaian akhir. Pelajar juga perlu sentiasa dinasihatkan untuk mengambil beban pembelajaran yang bersesuaian dan sentiasa merancang aktiviti pembelajaran dengan baik dan teratur.
21. PPT dari semasa ke semasa hendaklah menjalankan kaji selidik yang bersesuaian bagi memastikan setiap permasalahan pelajar berkaitan dengan PdP, keperluan peranti elektronik, kemudahan internet dan tekanan terhadap pembelajaran dapat ditangani dengan segera.

KEBAJIKAN STAF AKADEMIK

22. PPT perlu memastikan staf akademik diberikan panduan, bimbingan dan sokongan agar staf akademik berupaya mengubah teknik pengajaran konvensional kepada pengajaran secara dalam talian serta dapat menyediakan modul pembelajaran dalam talian (*online learning module*) yang lengkap.
23. Staf akademik hendaklah dibekalkan dengan kemudahan dan peranti elektronik yang bersesuaian untuk memastikan pengajaran yang dijalankan secara dalam talian berjalan dengan lancar dan berkesan.

SITUASI MENDESAK ARAHAN PIHAK BERKUASA

24. Prihatin akan PPT yang terkesan dengan arahan pihak berkuasa untuk pelaksanaan PKPD atau situasi kes-kes kecemasan yang tidak dapat dielakkan, PPT yang berada dalam situasi ini boleh mempertimbangkan untuk membuat pengubahsuaian dan perubahan terhadap keperluan jam pembelajaran pelajar (*student learning time*) **sekurang-kurangnya 70-80%** bergantung kesesuaian bidang program sebagai telah memenuhi keperluan kredit, dengan syarat melengkapkan kesemua komponen *body of knowledge* (BoK) termasuk penilaian berdasarkan keperluan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Perkara ini hanya terpakai untuk semester yang terkesan akibat arahan PKPD atau situasi-situasi kecemasan yang diumumkan oleh pihak berkuasa.

25. PPT boleh menyediakan aktiviti-aktiviti pengukuhan bagi menyokong pembelajaran dan meningkatkan kompetensi pelajar terhadap topik atau kursus tertentu setelah keadaan mengizinkan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
17 OGOS 2021